

03/02/1998

Pengiktirafan 'harga patut' perlu dihentikan

Ahmad Ghazali Musa

KUALA LUMPUR, Isnin - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna diminta berhenti memberi pengiktirafan 'harga patut' kepada pasar raya kerana langkah itu hanya mengabui mata pengguna.

Presiden Fomca, Prof Hamdan Adnan, berkata ada sesetengah pengendali pasar raya yang sudah mendapat pengiktirafan sebagai pasar raya 'harga patut' menaikkan harga barangan sesuka hati.

"Ini tidak adil kerana pengendali pasar raya menggunakan pengiktirafan kerajaan itu untuk menarik pelanggan dan mengaut keuntungan berlebihan.

"Sepatutnya kemudahan itu digunakan untuk mengekalkan harga barangan pada tahap berpatutan dan bukan hanya untuk menarik pelanggan dan mengaut keuntungan.

"Perbuatan itu tidak jauh berbeza daripada pasar raya biasa yang menawarkan potongan harga menarik ketika baru dibuka dan selepas itu menaikkan harga barangan secara sesuka hati," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata, jika kerajaan masih mahu terus memberi pengiktirafan itu, beliau meminta supaya pemerhatian dan pemeriksaan berterusan dibuat terhadap pasar raya, terutama yang mendapat pengiktirafan "harga patut".

"Sekiranya kementerian tidak mampu membuat pemerhatian berterusan, langkah memberi pengiktirafan itu kepada pasar raya perlu dibuat segera," katanya.

Beliau juga meminta pengiktirafan harga patut yang diberi kepada pasar raya yang menaikkan harga barangan secara sesuka hati ditarik balik, supaya mereka tidak terus menggunakan kemudahan itu untuk mengaut keuntungan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna baru-baru ini mengumumkan empat pasar raya - Giant, Xtra, Makro dan Carrefour - sebagai antara yang benar-benar menjual barangan pada 'harga patut'.

Menterinya, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, berkata pengumuman itu adalah serentak dengan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang meminta kementeriannya mengisytiharkan mana-mana pasar raya yang memberi manfaat kepada pengguna sebagai 'pasar raya harga patut'.

Menurutnya, kementeriannya akan memberi publisiti kepada pasar raya yang layak diberi pengiktirafan berkenaan, bagi membolehkan ia menjadi pilihan pengguna.

Mengenai kenaikan mendadak harga barangan selepas musim perayaan ini, Hamdan menjelaskan, agak sukar untuk menahan kenaikan harga barangan ketika negara sedang menghadapi masalah ekonomi.

"Yang penting pengguna perlu berkorban masa dan tenaga mengambil langkah drastik mengamalkan perbelanjaan yang benar-benar berhemah. Kenaikan harga barangan yang sukar ditahan menuntut pengguna lebih bijak berbelanja, mengurangkan pembelian barangan kurang perlu.

Katanya, pengguna juga perlu bersikap suka membanding-bandingkan harga barangan dan berkongsi maklumat mengenainya kerana langkah itu membolehkan mereka mencari barangan pada harga minimum.

Mengenai kekurangan bekalan gula di pasaran, Hamdan berkata keadaan itu berlaku mungkin disebabkan cuti perayaan selama seminggu dan pengedar tidak dapat membekalkan barangan itu.

(END)